

12hb. Januari, 1978

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1978

**TUNGGAKAN GAJI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN YANG DITUKAR SEMENTARA DARI
SATU SEKIM PERKHIDMATAN KE SATU SEKIM
PERKHIDMATAN YANG LAIN DI SEMENANJUNG MALAYSIA
BERIKUTAN DENGAN
PERLAKSANAAN LAPORAN GAJI
JAWATANKUASA KABINET.**

Saya diarah merujuk kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 1977](#), bertarikh 9hb. Ogos, 1977, dan memaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan supaya pegawai-pegawai Kerajaan yang ditukar sementara dari satu sekim perkhidmatan ke satu sekim perkhidmatan yang lain dengan kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, (termasuk juga pegawai-pegawai daripada perkhidmatan Badan-badan Berkanun yang ditukar sementara ke perkhidmatan Kerajaan) dibayar tunggakan gaji berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Kabinet. Tunggakan itu hendaklah didasarkan kepada perbezaan di antara gaji bersih dalam tanggagaji baharu dengan gaji bersih dalam tanggagaji lama pertukaran sementara masing-masing. Tarikh perkiraan ialah dari 1.1.76 atau tarikh pegawai itu mula ditukar sementara, mengikut yang mana terkemudian, hingga 30.6.77. Penyelarasan gaji ini hendaklah dibuat sepenuhnya dengan berpanduan kepada prinsip - prinsip yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan yang dirujuk di atas kecuali tarikh perlaksanaannya dikebelakangan kepada 1.1.76. Tarikh kenaikan gaji mereka di jawatan pertukaran sementara hendaklah ditentukan mengikut perenggan - perenggan 5.1, 5.2 dan 5.3 [Pekeliling](#)

Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977

mengikut mana yang berkenaan.

2. Berkenaan dengan peraturan pembayaran tunggakan, keputusan telah dibuat bahawa sekiranya seorang pegawai itu ditukar sementara sebelum atau pada 1.1.76, maka pembayaran tunggakannya hendaklah ditanggung oleh Kementerian / Jabatan di mana mereka ditukar sementara mulai dari 1.1.76 hingga 30.6.77 atau sehingga pertukaran sementara pegawai itu ditamatkan, mengikut yang mana terdahulu. Bagi mereka yang ditukar sementara selepas 1.1.76 tunggakan bagi tarikh mula ditukar sementara hingga 30.6.77 hendaklah ditanggung oleh Kementerian / Jabatan di mana mereka ditukar sementara, dan tunggakan bagi tarikh 1.1.76 hingga ke tarikh mereka ditukar sementara, berdasarkan perbezaan di antara gaji bersih di atas tanggagaji bersih baharu dengan gaji bersih di atas tanggagaji lama di jawatan hakiki masing-masing, ditanggung oleh Kementerian / Jabatan terakhir di mana mereka berkhidmat.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD. SALLEH BIN YAHAYA)

Bahagian Perkhidmatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k. Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,
Jalan Spooner,
Kuala Lumpur.